

07/10/1997

Pahang berdiri teguh di belakang Mahathir

KUANTAN, Isnin - Badan Perhubungan Umno Negeri Pahang menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani krisis mata wang yang melanda negara masa ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata sokongan sebulat suara itu diterimanya daripada 11 bahagian Umno di seluruh negeri ini.

Beliau yang juga Menteri Besar Pahang menyatakan sokongan terbabit dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini, hari ini.

"Kita sangat memerlukan kepimpinan Dr Mahathir dan seluruh rakyat khususnya ahli Umno di negeri ini, perlu memberi sokongan padu yang tidak pernah luntur kepadanya," katanya.

(END)